



Mutiara Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak
(Sarawak Federation of Women's Institutes)



BIL 143 JAN-DIS 2022

Majlis Jamuan Teh

**SEMPENA SAMBUTAN JUBLI INTAN KE-60 PPWS
16 JULAI 2022**

Isteri Premier Sarawak, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Amar Jumaani Tun Tuanku Haji Bujang hadir merasmikan Majlis Jamuan Teh sempena Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan Ke-60 Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di Hotel Waterfront, Kuching.

Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail ketika berucap pada majlis itu berkata, PPWS telah ditubuhkan pada 1962, iaitu setahun sebelum Sarawak merdeka daripada Kerajaan Koloni dan menjadi antara badan bukan kerajaan (NGO) tertua di negeri ini.

"Dengan tema Pemangkin Komuniti Dinamik untuk sambutan Jubli Intan PPWS tahun ini, PPWS melalui usaha, dedikasi dan komitmen serta kemahiran ahli di seluruh Sarawak telah menyumbang kepada perubahan masyarakat di negeri ini," katanya.

Sehingga kini, PPWS mempunyai seramai 12,388 ahli berbilang kaum di 352 perkumpulan di seluruh Sarawak.

Sementara itu pada majlis yang sama, isteri Premier Sarawak melancarkan Buku 60 Tahun PPWS dan Buku Resipi Sihat Tradisi Sarawak PPWS, selain menyampaikan Anugerah Cawangan Cemerlang kepada PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Jasamu Dikenang, Budimu Disanjung kepada Penasihat PPWS, Dato Rugayah Abdul Majid atas sumbangan beliau kepada persatuan ini.



Persiapan dan sesi raptri sedang diadakan di sebelah pagi sebelum majlis bermula



Isteri Premier Sarawak dan Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail (kiri) meneliti selendang jahitan khas oleh ahli PPWS yang dihadiahkan kepada beliau sebagai tanda kenangan sambil disaksikan oleh Penasihat PPWS Dato Rugayah Abdul Majid (kanan).



Ucapan disampaikan oleh Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail semasa Majlis Jamuan Petang tersebut



Booth PPWS turut dibuka untuk mempamerkan buku-buku terbitan PPWS dan produk yang dihasilkan ahli-ahli PPWS seluruh Sarawak



Isteri Premier Sarawak bersama-sama dengan Pengerusi Negeri, PPWS Dato Norhyati Mohd Ismail (kanan) melihat Buku 60 Tahun PPWS sambil disaksikan oleh Penasihat PPWS Dato Rugayah Abdul Majid (kiri).



Anugerah Cawangan Cemerlang disampaikan oleh Isteri Premier Sarawak kepada PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit



Isteri Premier Sarawak bersama-sama dengan Pengerusi Negeri, PPWS Dato Norhyati Mohd Ismail melihat Buku Resipi Sihat PPWS



Sketsa PPWS berkenaan peranan PPWS sejak awal penubuhannya sehingga kini telah dipersembahkan oleh Persatuan Teater Ngangcong



Isteri Premier Sarawak turut menyampaikan Anugerah Jasamu Dikenang, Budimu Disanjung kepada Penasihat PPWS, Dato Rugayah Abdul Majid atas sumbangan beliau



Ahli Jawatankuasa Induk PPWS Sesi 2021-2022 bersama Isteri Premier Sarawak merakam gambar kenangan sempena Majlis Jamuan Teh Sempena Jubli Intan Ke-60 PPWS

Perutusan

Pengerusi Negeri PPWS Edisi Januari - Disember 2022



Salam sejahtera dan salam mesra.

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Mutiara Berita PPWS Edisi 143 pada tahun ini dapat diterbitkan. Tidak terasa kita sudah pun di penghujung tahun 2022 dalam situasi endemik.

Pada tahun ini, acara yang bersejarah dan signifikan kepada PPWS adalah menyambut Ulang Tahun Jubli Intan Ke-60 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang dan menjadi hos sempena Persidangan Ke-13 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj .

Sempena sambutan Jubli Intan pada tahun ini, PPWS juga telah menghasilkan dan menerbitkan buku bertajuk "Pemangkin Komuniti Dinamik" PPWS yang mengumpul perkongsian pengalaman, pandangan, buah fikiran ahli termasuk ahli perintis dan veteran pelbagai kaum dan dari seluruh pelusuk Negeri Sarawak. Penglibatan mereka ini menggambarkan usaha gigih, dedikasi, komitmen serta kemahiran ahlinya di seluruh Sarawak yang telah menyumbang kepada perubahan masyarakat di Sarawak. Terima kasih kepada perintis PPWS atas inspirasi yang telah dicetuskan kepada kita semua.

Saya dengan ini sudah tentu dengan yakin menyatakan bahawa ahli PPWS setia di antara mereka dan kesetiaan yang wujud ini telah menjadikan hidup mereka lebih bermakna dan telah dapat membantu memperkukuhkan kedudukan PPWS sebagai NGO yang tertua dan terus unggul di Negeri Sarawak.

Ahli-ahli PPWS yang saya hormati sekalian,

Perayaan Jubli Intan PPWS telah dilaksanakan dengan jayanya serta disambut juga oleh seluruh Cawangan PPWS dengan mengadakan majlis sambutan di kawasan masing-masing. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli PPWS yang komited menyemarakkan sambutan Jubli Intan Ke-60 PPWS pada tahun ini yang merupakan suatu sambutan yang amat istimewa kepada warga PPWS.

Kejayaan PPWS sebagai hos Persidangan Ke-13 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh di Kuching, Sarawak dengan sokongan Kerajaan Negeri Sarawak telah menjadi lebih signifikan kerana penganjuran persidangan ini (bukan pertama kali dihoskan oleh PPWS di Sarawak) yang berskala besar telah meningkatkan imej PPWS bukan sahaja di peringkat setempat, malah kebangsaan dan antarabangsa.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada saya sepanjang enam (6) tahun saya menjadi Pengerusi Negeri PPWS. Saya ingin memohon maaf kepada semua ahli PPWS sekiranya sepanjang perkhidmatan saya sebagai Pengerusi Negeri terdapat kelemahan dan kesilapan yang tidak disengajakan.

Saya berharap PPWS terus berjuang memperkasakan wanita di Negeri Sarawak ke tahap yang lebih tinggi bagi mencapai aspirasi Kerajaan Sarawak ke arah Negara Maju Tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI MOHD ISMAIL
Pengerusi Negeri,
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak
Sesi 2021-2022

<http://www.ppws.org.my>



sfwi62@hotmail.com
sfwi62@yahoo.com



082-244015



082-237395



Ppws HQ



Ibu Pejabat PPWS,
Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71,
Jalan Green, 93150 Kuching

Program Ceramah Kesedaran Berkenaan Kehamilan Remaja “Kerana Dirimu Begitu Berharga” Tahun 2022

Program Ceramah Kesedaran Berkenaan Kehamilan Remaja “Kerana Dirimu Begitu Berharga” Bagi Tahun 2022 dianjurkan oleh PPWS dengan sokongan daripada Majlis Pembangunan Sosial Sarawak. Lima (5) sesi dianjurkan PPWS iaitu di Serian, Sri Aman, Mukah, Kapit dan Limbang.

Objektif daripada program ini ialah :

1. Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada golongan belia terutama golongan perempuan agar mengelakkan kehamilan remaja
2. Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya usaha mencegah kehamilan remaja
3. Menyokong dan membantu kerajaan dalam menangani kes kehamilan remaja melalui program kesedaran, advokasi dan intervensi yang disaran dilaksanakan secara bersasar di Negeri Sarawak.

CAWANGAN KUCHING/SAMARAHAN

Program Kesedaran Berkenaan Kehamilan Remaja “Kerana Dirimu Begitu Berharga” anjuran Cawangan PPWS Kuching/Samarahan telah diadakan pada 11 Jun 2022, bertempat di Dewan Masyarakat, Serian. Majlis Penutupan Rasmi disempurnakan oleh YB Encik John anak Illus, ADUN N.23 Bukit Semuja



CAWANGAN SIBU/SARIKEI/KAPIT

Pada 25 Jun 2022 telah diadakan dengan jayanya Program Kesedaran Kehamilan Remaja anjuran PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit yang diadakan di Mukah (Siri III).



PPWS mengucapkan terima kasih kepada penceramah jemputan dan peserta program dalam kalangan pelajar serta guru sekolah, belia dan kaum ibu yang hadir menjayakan program pada kali ini. Wakil daripada Pejabat Pendidikan Daerah Mukah yang hadir ialah Puan Norazlyn binti Mokhtar, Timbalan Sektor Pembelajaran Pejabat Pendidikan Daerah Mukah.

CAWANGAN SRI AMAN

Program Ceramah Kesedaran Berkenaan Kehamilan Remaja “Kerana Dirimu Begitu Berharga” anjuran PPWS Cawangan Sri Aman diteruskan untuk Siri II di Daerah Sri Aman pada hari ini. Seramai lebih kurang 50 orang hadir mendengar ceramah yang disampaikan oleh Pegawai daripada LPPKN, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Ibu Pejabat PDRM Kontinjen Sarawak.



Program Ceramah Kesedaran Berkenaan Kehamilan Remaja “Kerana Dirimu Begitu Berharga” anjuran PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit diteruskan untuk Siri IV di Daerah Kapit pada 2 Julai 2022. Seramai lebih



kurang 50 orang hadir mendengar ceramah yang disampaikan oleh Pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Ibu Pejabat PDRM Kontinjen Sarawak. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kapit Encik Kumbong Anak Garit, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah, Sektor Pembangunan Murid telah hadir bersama menjayakan program tersebut.

CAWANGAN LIMBANG/LAWAS

Program Ceramah Kesedaran Berkenaan Kehamilan Remaja “Kerana Dirimu Begitu Berharga” anjuran PPWS Cawangan Limbang/Lawas untuk siri terakhir telah diadakan dengan jayanya pada 27 Julai 2022. Seramai lebih kurang 50 orang hadir mendengar ceramah yang disampaikan oleh Pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, LPPKN Negeri Sarawak dan Ibu Pejabat PDRM Kontinjen Sarawak.



“Kerana Dirimu Begitu Berharga”

Lawatan Pengerusi Negeri PPWS Ke PPWS Daerah Kapit

16 MEI 2022

Rombongan Ibu Pejabat Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) bersama ahli-ahli PPWS daripada Kuching, Sarikei, Sibul telah tiba di Kapit pada hari kelmarin, 16 Mei 2022 sehingga 17 Mei 2022. Rombongan kali ini diketuai oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS.

Program di Kapit yang diatur oleh Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi dipengerusikan oleh Puan Salbiah Abdullah, dengan kerjasama Jawatankuasa PPWS Daerah Kapit ialah beramah mesra dengan penghuni Rumah Panjang Benggau, Sungai Sut, Kapit sambil berkongsi ilmu membuat Kek Jantung Pisang yang ditunjuk ajar oleh ahli PPWS dari Perkumpulan Green, Kuching iaitu Puan Zubaidah Bahasim. Selain itu juga, lawatan ke bangunan PPWS Daerah Kapit dan penganjuran Majlis Makan Malam bersama ahli-ahli PPWS Daerah Kapit yang akan dihadiri oleh Yang Berbahagia Datin Sri Angelina Celestine Ujang.

Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi dengan kerjasama PPWS Daerah Kapit semasa Majlis Makan Malam telah menyampaikan cenderahati kepada 15 orang ahli veteran PPWS yang telah menabur jasa dan melakukan khidmat sukarela dalam pertubuhan PPWS ini.

PPWS pada tahun ini mencapai usia ke-60 bertemakan Pemangkin Komuniti Dinamik. Objektif tema ini dipilih pada tahun ini untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan penting PPWS dalam pembentukan wanita, keluarga dan pembangunan komuniti selain mengetengahkan peranan PPWS sebagai pemangkin komuniti dinamik dalam memajukan wanita Sarawak. Diharap agar PPWS terus maju ke hadapan selari dengan keperluan semasa Negeri Sarawak.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada PPWS Daerah Kapit terutama Puan Jenny Abdullah, Pengerusi PPWS Daerah Kapit serta Ahli Jawatankuasa beliau atas komitmen yang diberikan untuk memastikan program yang dirancang ini berjalan lancar termasuk urusan penginapan serta penyediaan jamuan untuk semua rombongan.

Ketibaan Pengerusi Negeri PPWS di Rumah Panjang Benggau, Sungai Sut, Kapit diiringi Datin Mary Masing, Puan Hajah Hanifah Fauziah dan Puan Ummu Hani



Pengerusi Negeri PPWS sedang memerhatikan hasil kraftangan jahitan kreatif yang dihasilkan oleh ahli PPWS di Kapit sambil diperhatikan oleh Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mariani.



Pengerusi Negeri PPWS bersama ahli PPWS Kampung Baru Kapit sedang berbincang lanjut berkenaan cadangan tapak tanah bangunan baru PPWS di Kapit



Majlis Jamuan Bersempena Hari PPWS

17 MEI 2022

Majlis Jamuan Bersempena Hari PPWS telah dianjurkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di Hotel Dormani, Kuching. Dengan kelonggaran SOP COVID-19 yang diumumkan oleh Kerajaan, sudah tentu peluang ini diambil oleh PPWS untuk meraikan Hari PPWS bersama ahli-ahli PPWS di seluruh Sarawak dan sambutan diraikan sepanjang bulan Mei ini. Kebetulan Hari PPWS jatuh pada 5 Mei 2022, maka sambutan Hari PPWS ini disatukan dengan Ramah Tamah Hari Raya dan Pra-Gawai dan bulan Mei 2022 dipilih untuk meraikan sambutan ini beramai-ramai.

Seramai 100 orang telah hadir ke majlis ini termasuk Datin Esther M. Balan, isteri kepada Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak. Turut hadir ialah Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS; Datuk Seri Hafsah Harun, Ahli Seumur Hidup PPWS dan Puan Norita Bawi, Pengarah Jabatan Wanita dan keluarga Sarawak (JWKS).

Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS Sesi 2021-2022. Dato Hajah Norhyati berkata, "Majlis yang diadakan dalam skala sederhana ini bertujuan untuk mengeratkan persahabatan dan silaturahim bersama ahli-ahli PPWS serta rakan strategik PPWS iaitu badan kerajaan dan swasta. PPWS badan bukan kerajaan NGO yang sudah lama bertapak di Sarawak sejak tahun 1962, bukan sahaja mempunyai keahlian daripada pelbagai kaum malah kerjasama dan keharmonian yang diamalkan dalam pertubuhan PPWS membuktikan kaum wanita tidak kira pelbagai latar belakang agama, bangsa dan taraf pendidikan mampu menghadapi apa jua cabaran dalam menganjurkan aktiviti bersama komuniti."

Selamat Hari PPWS Kepada Semua Ahli PPWS Seluruh Sarawak!



Sesi pemotongan kek pulut kuning oleh tetamu jemputan di meja kenamaan
Dari kiri: Annie Tan Mei Lee, Hajah Zainab Tambi, Kapitan Doris Chan, Dato Hajah Hajjah Uteh, Dato Hajah Sarbanun Marican, Datuk Hajah Hafsah Harun, Dato Hajah Norhyati (tengah), Hilda Mesen Mayor, Dato Hajah Rugayah, Datin Esther M. Balan, Hajah Aishah Edris, Norita Bawi

Lawatan Pengerusi Negeri PPWS Ke Daerah Sibul

18 MEI 2022

Rombongan Ibu Pejabat PPWS yang diketuai oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS ke Sibul untuk melawat Perkumpulan Abang Barieng dan melihat produk yang dihasilkan oleh ahli-ahli PPWS di Sibul. Selain itu, rombongan turut dibawa ke Bangunan PPWS Daerah Sibul di Jalan Awang Ramli Amit, Sibul yang menempatkan Pejabat PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit.

Turut mengikuti lawatan tersebut daripada Ibu Pejabat PPWS ialah Exco PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit, YBhg. Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha.

Satu Majlis Makan Malam anjuran PPWS Daerah Sibul turut diadakan pada malam tersebut untuk meraikan Hari PPWS. Seramai 15 orang ahli veteran PPWS menerima cendermata daripada JKK Sosial dan Rekreasi semasa Majlis Makan Malam ini.

Sesi memotong kek pulut kuning hasil tangan kreatif ahli PPWS



Ucapan aluan oleh Ketua Kampung Puan Hajah Fatimah binti Haji Narawi sempena lawatan ramah mesra bersama ahli Perkumpulan Abang Barieng

Pengerusi Negeri PPWS (duduk) di Pejabat PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit



Seminar and MOU Signing Ceremony of Sarawak Women of Tomorrow

9 JUN 2022

PPWS salah satu daripada NGO yang telah dijemput hadir ke Seminar and MOU Signing Ceremony of Sarawak Women of Tomorrow pada 9 Jun 2022 di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK) anjuran Kementerian Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak dengan kerjasama Women Leadership Foundation.

Kakitangan PPWS yang bertugas di booth PPWS untuk jualan buku terbitan PPWS dan mempamerkan hasil tangan produk kraftangan ahli PPWS



Kunjungan Hormat PPWS Kepada YAB Premier Sarawak

24 JUN 2022

Kunjungan hormat PPWS kepada YAB Premier Sarawak bagi memaklumkan kepada YAB Premier Sarawak berkenaan dua acara besar PPWS pada tahun ini iaitu Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh 2022 dan beberapa program yang telah disusun untuk Sambutan Jubli Intan Ke-60 PPWS pada tahun ini.

PPWS dengan penuh takzim mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih atas sokongan padu Kerajaan Negeri Sarawak kepada PPWS selama ini.



Turut hadir dalam sesi kunjungan hormat ialah (dari kiri) Puan Hajah Zainab Tambi, Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail, Puan Norjanah Razali, Puan Hajah Zabariah Matali dan Puan Hajah Aishah Edris

Sidang Media Berkenaan Program PPWS

29 JUN 2022

Sidang Media diadakan di Ibu Pejabat PPWS, Kuching untuk memaklumkan berkenaan dua (2) acara besar yang dianjurkan PPWS pada tahun ini iaitu Persidangan Ke-13 Persatuan Wanita Desa Sedunia Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh dan juga Program Sambutan Ulang Tahun Ke-60 PPWS.

Turut hadir ialah media daripada RTM, UKAS, TVS, Borneo Post, Utusan Sarawak, Suara Sarawak dan The Sarawak Tribune.





ACWW World President bersama suami beliau bergambar dengan penari tradisional Sarawak



ACWW World President mengambil kesempatan untuk memberi ucapan terima kasih kepada PPWS terutama Penasihat PPWS kerana menjemput hadir ke jamuan teh di kediaman beliau



ACWW World President dan suami dibawa menaiki river cruise di sepanjang Waterfront Kuching sambil menikmati makan malam di atas kapal. Turut mengikuti lawatan ini ialah Dato Ursula Goh, Bekas ACWW World President



ACWW World President menerima bunga yang diperbuat daripada bahan kitar semula yang dihasilkan oleh penduduk Kampung Sri Arjuna



Jamuan Makan Malam bersama Jawatankuasa Induk PPWS Sesi 2021-2022

Program Menyambut Lawatan Sulung ACWW World President Ke Kuching, Sarawak

1-2 JULAI 2022

Ms. Magdie de Kock, World President of Associated Country Women of the World (ACWW) yang berasal dari South Africa telah tiba di Kuching pada 1 Julai 2022 untuk menghadiri Persidangan Ke-13 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh yang akan dihoskan oleh Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) bermula 4 sehingga 6 Julai 2022.

Turut mengiringi lawatan beliau ialah Puan Norjanah Razali, Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh dan juga YBhg. Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS.

Beberapa program dan lawatan telah diatur oleh PPWS untuk menyambut Ms. Magdie sepanjang berada di Kuching. Antaranya ialah jamuan makan malam bersama Jawatankuasa Induk PPWS Sesi 2021-2022, lawatan ke Perkumpulan Sri Arjuna, menaiki Cruise di Waterfront Kuching dan jamuan minum petang dihoskan Penasihat PPWS.

Persidangan Ke-13 Persatuan Wanita Desa Sedunia Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh 4-6 Julai 2022 Kuching, Sarawak



Ketibaan KDYMM Tuanku Permaisuri Agong di lobi hotel



Ketibaan KDYMM Tuanku Permaisuri Agong di lobi hotel



Gimik pelancaran persidangan disempurnakan oleh KDYMM Tuanku Permaisuri Agong sambil diperhatikan oleh Puan Norjanah Razali, Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh (kiri) dan Madam Magdie de Kock, Presiden ACWW Sedunia (kanan)

Sila imbas QR Kod di bawah menggunakan telefon bimbit anda untuk melihat video majlis ini.

Majlis Perasmian
5 Julai 2022



Majlis Majlis Santapan
International Night Dinner
5 Julai 2022



Lawatan ACWW World President Ke Wisma Wanita, Samariang

7 JULAI 2022

Lawatan ACWW World President, Ms Magdie De Kock ke Wisma Wanita, Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) yang telah dikelolakan oleh JWKS dengan kerjasama PPWS. Turut hadir menyambut rombongan daripada delegasi ACWW South East Asia and The Far East ialah YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak.

Perasmian untuk Kelas Latihan Di Wisma Wanita telah disempurnakan oleh ACWW World President, Ms Magdie de Kock sambil diperhatikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah dan YB Datuk Rosey Yunus

ACWW World President dibawa ke Bilik Kraftangan dan melihat penghasilan beg yang dihasilkan oleh pelajar bengkel



Tetamu yang hadir turut dipersembahkan dengan tarian dan budaya masyarakat Sarawak. ACWW World President diberi peluang untuk belajar menyempit.

YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah memberi cenderamata kepada ACWW World President iaitu buku The Pioneers berkenaan pemimpin wanita Sarawak



Gambar kenangan bersama rombongan PPWS dan pihak JWKS bersama ACWW World President



Kunjungan Hormat PPWS Kepada Penaung PPWS

8 JULAI 2022



Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib telah menerima kunjungan hormat daripada rombongan Persekutuan Perkumpulan

Wanita Sarawak (PPWS) yang diketuai oleh Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhayati binti Haji Mohd Ismail di Demak Jaya.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan memaklumkan dan menjemput Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi yang juga Penaung PPWS, sebagai tetamu kehormat ke Majlis Jamuan Teh bersempena dengan Jubli Intan ke-60 PPWS.

Pelancaran Buku 60 Tahun PPWS dan Buku Resepi Sihat Tradisi Sarawak PPWS adalah antara pengisian dalam majlis tersebut yang dijangka diadakan pada 16 Julai 2022, di Hotel Waterfront, Kuching.

PPWS yang ditubuhkan pada tahun 1962, mempunyai seramai 12,388 ahli di 352 buah perkumpulan seluruh Sarawak.

Peranan utama PPWS ialah untuk membimbing wanita ke arah kemajuan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan asas, ekonomi, taraf hidup dan kemahiran diri.

Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Naib Pengerusi PPWS, Puan Hajah Aishah Edris, Timbalan Pengerusi PPWS, Puan Hajah Zainab Tambi, Setiausaha Kehormat PPWS, Puan SR Hajah Siti Khatijah Othman dan Bendahari PPWS, Puan Hajah Kamariah Harmi.



Temubual pengerusi Negeri PPWS Di Radio Sarawak 7 JULAI 2022

Temubual di Sarawak FM bersama DJ Aishah hari ini berkenaan Sambutan Jubli Intan Ke-60 PPWS yang akan diraikan pada tahun ini. Ditemubual ialah Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS diiringi oleh Puan Rhoanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



Temubual PPWS Di WaiFM

8 JULAI 2022

Rakaman radio untuk WaiFM Iban bersama DJ Prisca hari ini. Ditemubual ialah Puan Salbiah Abdullah, Ahli Jawatankuasa Induk PPWS



Temubual Pengerusi Negeri PPWS di TVS 13 Julai 2022



Program Para Kaunselor Siri 1/2022 3 - 4 Ogos 2022

Program Para Kaunselor Siri 1/2022 melalui Kursus Kemahiran Asas Menolong anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) belangsung selama 2 hari, 3-4 Ogos 2022 di Imperial Hotel.

Pembelajaran merangkumi aspek kesihatan mental, proses dalam mengendalikan masalah dgn betul dan proses penilaian kepada isu/masalah yang berlaku.

Salah satu sesi pembentangan kumpulan yang diwakili oleh Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dan Puan Siti Aishah Rohiban, Pengelola PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.

Sesi Temubual Penasihat PPWS Bersama Wartawan Utusan Sarawak

23 JULAI 2022

Temubual oleh Puan Azreen Keria, Wartawan Utusan Sarawak bersama Dato Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS berkenaan penglibatan beliau dalam PPWS pada awal penubuhan persatuan ini dan peranan PPWS dalam mengangkat martabat wanita di Sarawak sejak era 60an.



Temubual oleh Puan Azreen Keria, Wartawan Utusan Sarawak bersama Dato Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS



Pembentangan berkenaan Kesihatan Mental dibenteng oleh Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS mewakili kumpulan yang disertai beliau



Pembentangan Kerja Kumpulan dibenteng oleh Puan Siti Aishah Rohiban, Pengelola PPWS Cawangan Kuching/Samarahan mewakili kumpulan yang disertai beliau



Peserta-peserta yang hadir dalam kursus tersebut dalam kalangan ahli-ahli NCGO dan persatuan lain

Kunjungan Ke Pameran Pusat Kraftangan Epal

14 OGOS 2022

Ahli-ahli PPWS melawat pameran Pusat Kraftangan Epal di Pasaraya AEON Mall, Kuching untuk melihat hasil kraftangan Eco Printing dan teknik celupan. Sesi penerangan dan demonstrasi turut diadakan kepada pengunjung bagi menerangkan bagaimana menghasilkan kraftangan yang kreatif dan menarik ini hanya dengan tumbuhan di sekitar rumah kita.

Ahli-ahli dari PPWS Daerah Kuching turut mengunjungi pameran



Salah satu produk yang dihasilkan oleh usahawita EPAL yang dijual semasa pameran



Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dan Puan Siti Aishah Rohiban, Pengelola PPWS Cawangan Kuching/Samarahan turut melawat pameran tersebut diiringi oleh staf EPAL yang menerangkan satu persatu produk keluaran mereka melalui teknik Eco Printing



Ahli Koperasi Persempukan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS) tidak ketinggalan mengunjungi pameran ini pada hari terakhir untuk membeli produk yang dijual



Kunjungan hormat oleh Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) kepada PPWS

24 Ogos 2022

Kunjungan hormat oleh Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) kepada PPWS pada hari ini sempena Program Lawatan Akademi Kepimpinan Wanita Sabah (AKWan). Rombongan dari MPWS diketuai oleh YBhg. Datuk Dr Hajah Tarsiah Haji Taman, Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah. Turut sama dalam kunjungan ini ialah Puan Hajah Haslina Ismail, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.

Penerangan berkenaan PPWS disampaikan oleh Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



6 wakil PPWS hadir diketuai oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS menyambut kehadiran rombongan dari Sabah

YBhg. Datuk Dr Hajah Tarsiah Haji Taman, Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah sedang memberi taklimat berkenaan fungsi Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS)



Program Empowering Women Through Technology

29 Ogos 2022

Ahli-ahli PPWS yang hadir ke program tersebut



Para Penceramah yang dijemput berkongsi pengetahuan



Program Empowering Women Through Technology dianjurkan Angkatan Zaman Mansang (AZAM) dengan sokongan Kementerian Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, PPWS SDEC, Pustaka Negeri Sarawak dan TVS (sebelah pagi) dan Program Women, Technology & Entrepreneurship (sebelah petang) di Pustaka Negeri Sarawak.

Speaker jemputan ialah Ms Jill Finlayson, Director of the Expanding Diversity and Gender Equity in Tech Initiative at UC.

Program ini memberi pengetahuan kepada wanita bagaimana perkembangan teknologi membantu dalam memperkasakan wanita untuk berjaya dalam pelbagai sektor bidang yang diceburi.



Pertandingan Masakan Tradisi Keluarga 2022 Bersempena Sambutan Jubli Intan Ke-60 PPWS

PPWS Cawangan Kuching/Samarahan

PPWS Cawangan Kuching / Samarahan menganjurkan pertandingan masakan ini pada 17 September 2022 di perkarangan Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi PPWS. Aktiviti ini telah diadakan di Perkarangan Ibu Pejabat PPWS, Kuching.



Peserta daripada Perkumpulan Sri Arjuna sedang membuat persiapan untuk menghias menu yang dipertandingkan



Pemenang tempat pertama dimenangi oleh Puan Rasinem Tarjah bersama anaknya Puan Misiah binti Shinan



Para juri sedang menilai menu yang dipertandingkan oleh peserta



Salah seorang penerima hadiah Saguhati pertandingan

PPWS Cawangan Sri Aman

PPWS Cawangan Sri Aman telah mengadakan Pertandingan Masakan Resipi Tradisi Keluarga yang diadakan di Masjid Ar-Rahman Kampung Sesang dengan kerjasama PPWS Daerah Saratok (Zon Tengah). Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Mohd Chee Bin Kadir, Ahli Dewan Undangan Negeri N.40 Kabong.

Seramai 8 peserta telah mengikuti pertandingan tersebut. Acara mewarna dan menganyam ketupat juga turut diadakan bagi memeriahkan lagi program ini.



Salah seorang penerima hadiah Saguhati pertandingan

PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit

PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit telah mengadakan Pertandingan Masakan Resipi Tradisi Keluarga yang diadakan di Bangunan PPWS Sibul. Seramai 35 orang ahli PPWS dari Daerah Sibul, Daerah Sarikei, Daerah Mukah hadir memeriahkan pertandingan ini.

Tujuh (7) orang peserta telah mengikuti Pertandingan Masakan ini. Exco PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit iaitu Yang Berbahagia Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mariam Abg Mustapha turut memberi sokongan hadir ke program ini. Program dirasmikan oleh Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit.



Peserta dari PPWS Daerah Mukah yang telah mendapat tempat Johan



Peserta dari PPWS Daerah Sibul bersama anaknya menyertai pertandingan masakan

PPWS Cawangan Limbang/Lawas

PPWS Cawangan Limbang/Lawas telah mengadakan Pertandingan Masakan ini pada 24 September 2022 di Pejabat PPWS Cawangan Limbang/Lawas. Seramai 8 pasangan telah menyertai pertandingan ini.



Para keluarga yang telah mengikuti pertandingan masakan

Salah satu kumpulan yang mengikuti pertandingan masakan



Johan Pertandingan Masakan Tradisi Keluarga anjuran PPWS Cawangan Limbang Lawas Puan Armah usop dari Perkumpulan Taman Desa Pabahanan bersama suami beliau, Encik Said Matzin telah memenangi wang tunai sebanyak RM400.00 dan sijil penyertaan.

23 JANUARI 2023

Pertandingan Bola Sepak 7 Sebelah PPWS Daerah Serian

Pertandingan Bola Sepak 7 Sebelah PPWS Daerah Serian (Kategori Wanita) yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri (Dr) Richard Riot anak Jaem, bertempat di Padang Bola Sepak SK St Dominic Pichin.



Tetamu Kehormat bersama Jawatankuasa Pengelola Pertandingan



Pasukan bola sepak wanita sedang beraksi di padang

6 FEBUARI 2022

Program Berambek

Perkumpulan Sri Arjuna mengadakan Program Berambek bertempat di Dewan Lestari Kampung Sri Arjuna. Pelbagai aktiviti dijalankan iaitu Pertandingan Membuat Nasi Ambeng, Pertandingan Gubahan Bunga Daripada Barangan Terpakai dan Pertandingan Mewarna Kategori Kanak-Kanak. Cabutan bertuah dan jualan meja juga diadakan. Tujuan program ini ialah untuk mengeratkan silaturahim bersama komuniti setempat.



Peserta daripada golongan kanak-kanak sedang mempamerkan hasil mewarna mereka di atas pentas utama untuk dinilai oleh para juri



Hidangan Nasi Ambeng yang dipertandingkan



Peserta pertandingan sedang menggubah bunga

12 FEBUARI 2022

Program Pap Smear dan Pemeriksaan Payudara

Perkumpulan Kampung Sileng Melayu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Daerah Lundu mengadakan Program Pap Smear dan Pemeriksaan Payudara di Dewan Masyarakat Kampung Sileng Melayu sempena Hari Kanser Sedunia.



Persiapan sedang dilakukan oleh ahli-ahli PPWS sehari sebelum program dijalankan

27 FEBUARI 2022

Program Ramah Mesra PPWS

Program Ramah Mesra PPWS telah diadakan bertempat di Borneo Keranji Farm, Bau. Seramai 30 orang ahli dari semua Daerah dalam PPWS Cawangan Kuching/Samarahan telah menyertai program ini. Aktiviti sukaneka dan Majlis Makan Malam ialah program utama.



Acara Pertandingan Mengayam Ketupat turut diadakan dengan menilai siapa yang paling banyak mengayam ketupat mengikut masa yang ditetapkan



Acara Menyolek Pasangan Dengan Mata Tertutup turut diadakan



Aktiviti sukaneka "membawa buah kelapa menggunakan anggota paha"



Aktiviti "Mumnia" turut diadakan dengan membalut rakan menggunakan tisu

28 FEBUARI 2022

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2022 Cawangan Kuching / Samarahan

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2022 telah diadakan di Borneo Keranji Farm, Bau. Exco Cawangan Kuching/Samarahan, Puan Hajah Suriani Haji Rapaiee dan Jawatankuasa Cawangan PPWS Kuching/Samarahan Bagi Sesi 2021-2022 turut menghadiri mesyuarat tersebut. Pelbagai program dicadang diadakan antaranya Program Kesedaran Kanser Payudara yang akan dijalankan pada bulan Oktober 2022.



Jawatankuasa PPWS Cawangan Kuching/Samarahan Bagi Sesi 2021-2022 bersama Pengelola Cawangan Kuching/Samarahan, Puan Siti Aishah Rohiban

25 MAC 2022

Bengkel Jahitan Membuat Mini Sejadah

PPWS Cawangan Kuching/Samarahan bekerjasama dengan Pusat Latihan Kraftangan Epal mengadakan bengkel jahitan membuat mini sejadah bertempat di Aras 2, Ibu Pejabat PPWS. Program ini disertai seramai 10 orang ahli.



Peserta bengkel jahitan sedang fokus menjahit



Setiap peserta menunjukkan hasil mini sejadah yang telah dipelajari

26 MAC 2022

Kelas Jahitan Membuat Beg Jeans

PPWS Daerah Kuching mengadakan Kelas Jahitan Membuat Beg Jeans di Bilik Seminar Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Program ini dengan kerjasama UCSI University dan Worming Up! Kemahiran membuat beg jeans ini adalah salah satu usaha untuk menjaga kelestarian alam sekitar bagi mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kehidupan seharian.



Peserta jahitan melihat hasil tangan beg-beg contoh yang telah dihasilkan oleh peserta bengkel yang mengikuti kelas ini sebelum ini



Tenaga pengajar sedang menunjukkan satu persatu cara menjahit beg untuk mudah diikuti peserta bengkel



Gambar peserta bengkel bersama pihak Worming Up. Turut hadir ialah Puan Hasmah Sauni, Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan


13 APRIL 2022

Program Semurni Kasih Ramadhan

Aktiviti sepanjang bulan puasa yang telah diadakan oleh Perkumpulan PPWS.



Perkumpulan Penguais menyampaikan sumbangan kepada Persatuan Cina Muslim Cawangan Sarawak



Gotong-royong memasak bubur lambuk dan bubur pedas bagi agihan di kalangan ahli serta penduduk sekitar.



Perkumpulan Sri Arjuna membuat agihan air cendol dan kurma kepada penduduk kampung.

27 MEI 2022

Program Sukaneka

PPWS Perkumpulan Kampung Temaga Melayu, Sematan mengadakan Program Sukaneka.

Ahli menganyam ketupat dengan cepat dan pantas dengan masa yang diberi dikira pemenang



6 JUN 2022

Pertandingan Mrs Etnik PPWS Daerah Serian



20 peserta dari pelbagai kaum dan etnik seperti Bidayuh, Melayu, Melanau, Iban dan juga Orang Ulu telah menyertai Pertandingan Mrs Etnik Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Serian.

Seramai 20 peserta dari pelbagai kaum dan etnik seperti Bidayuh, Melayu, Melanau, Iban dan juga Orang Ulu telah menyertai Pertandingan Mrs Etnik Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Serian.

Perasmian Pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Serian, Yang Berhormat Dato Sri Richard Riot Jaem.

Menurut Dato Sri Richard melalui ucapan beliau, beliau memberi penghargaan kepada PPWS Daerah Serian yang dipimpin oleh Pengerusi PPWS Daerah Serian, Juto Nyuawe di atas kejayaan mendaftar seramai lebih 400 ahli baharu bagi Daerah Serian dalam tempoh enam bulan yang lepas.

Sementara itu, Jacqueline Ayong dari Kampung Simpok telah dinobatkan sebagai juara sekaligus bergelar Mrs Ethnic PPWS Daerah Serian tahun 2022 untuk membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000 serta piala.

Naib juara pula dimenangi oleh Philomena Dexclyin Siar yang membawa pulang hadiah wang tunai RM700 serta piala manakala tempat ketiga dimenangi Liusiana Lorentis Tabal dari Kampung Tae untuk membawa pulang hadiah wang tunai RM500 serta piala.



Jacqueline Ayong dari Kampung Simpok telah dinobatkan sebagai juara

25 JUN 2022

Program Motivasi Bersama UNIMAS "Boh Binggong Elek Jak"

Program Motivasi Bersama UNIMAS "Boh Binggong Elek Jak" telah disertai oleh ahli PPWS dan dari pihak luar bertempat di Bilik Seminar, Ibu Pejabat PPWS. Program ini memberi motivasi kepada masyarakat pentingnya mengawal emosi. Ceramah disampaikan oleh Pegawai Kaunseling AADK.

Peserta program termasuk penganjur bergambar bersama-sama untuk gambar kenangan



6 OGOS 2022

PERKESO Bersama PPWS

Program Inisiatif baharu bersama PERKESO bersama PPWS Daerah Serian telah diadakan di Leort Cottage Pichin, Serian.



Pihak PERKESO menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Dato Sri (Dr) Richard Riot anak Jaem



Wakil dari PERKESO menyampaikan ceramah mengenai Program Inisiatif kepada ahli-ahli PPWS

11 JULAI 2022

Program Korban Zon Lundu

Program Korban Zon Lundu bersama PPWS Daerah Lundu/Sematan bertempat di Pejabat Daerah Lundu. Seramai 6 orang ahli menyertai program ini. Pembahagian daging korban kepada penduduk kampung.



Ahli memasak daging korban dan diagikan kepada penduduk sekitar

6 OGOS 2022

ACWW Women Walk The World 2022

ACWW Women Walk The World 2022 anjuran PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dengan kerjasama PPWS Daerah Sebuyau telah berlangsung dengan jayanya. Antara aktiviti yang diadakan ialah aktiviti berjalan kaki beramai-ramai, sukaneka dan pertandingan masakan.

Program turut dihadiri oleh Puan Norjanah Razali, Presiden Associated Country Women of the World (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh dan YBhg. Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS.

Pada sebelah malam, Majlis Makan Malam turut diadakan dan dihadiri oleh YB Datuk Haji Julaihi Narawi, ADUN N27 Sebuyau dan YB Dato Sri Hajah Rohani Abdul Karim, Ahli Parlimen P201 Batang Lupar.



Aktiviti senamrobik diadakan pada awal pagi sebelum acara berjalan kaki beramai-ramai dimulakan



Aktiviti berjalan kaki beramai-ramai diadakan di sekitar pasar Sebuyau

31 JULAI 2022

Lawatan Muhibah PPWS

Lawatan Muhibah PPWS Perkumpulan Sri Arjuna ke Kampung Darul Islam Belimbing. Pelbagai aktiviti dijalankan bersama seperti sumbangan makanan, gotong-royong, pembuatan tudung keringkam, demo masakan Jawa nasi ambeng dan demo tradisi Bidayuh nasi bungkus. Program ini mengeratkan silaturahmi bersama masyarakat berbilang kaum.



Ahli Perkumpulan Sri Arjuna memasak nasi ambeng tradisi Jawa



Bergotong-royong membersihkan surau Kampung Belimbing



Ahli dapat melihat dan belajar cara pembuatan keringkam.



Sebahagian ahli dari Perkumpulan Sri Arjuna yang mengikuti Lawatan Muhibah ke Kampung Belimbing.



Gerai jualan juga dibuka dengan menjual hasil produk ahli PPWS. Puan Norjanah Razali sedang sibuk membeli produk yang dijual sambil diperhatikan oleh Dato Hajah Norhyati, Pengerusi Negeri PPWS dan Hajah Hanipah Fauziah, Ahli Dilantik PPWS.



Aktiviti sukaneka yang disertai oleh ahli-ahli PPWS Cawangan Kuching/Samarahan diadakan di sebelah petang di Dewan Pembangunan Sebuyau

27 OGOS 2022

Perlawanan Persahabatan Badminton

Perlawanan Persahabatan Badminton sempena Hari Kemerdekaan Malaysia Antara PPWS Daerah Kuching bersama Kelab Badminton Pulapol Kuching telah diadakan dengan jayanya. Tahniah kepada pasukan yang telah menyertai pertandingan ini. Turut hadir ialah Puan Hajah Hamdiah Haji Mat, Exco PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dan Puan Hasmah Sauni, Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.



Ahli-ahli PPWS yang mengikuti pertandingan badminton ini



Ahli PPWS Daerah Kuching bersama ahli Kelab Badminton Pulapol



Aktiviti senaman untuk memanaskan badan sebelum acara pertandingan badminton bermula

31 OGOS 2022

Sambutan Hari Merdeka

Program Santai dan Sukaneka PPWS Perkumumpulan Kampung Paon dan Perkumumpulan Sebat Baru Sematan sempena Sambutan Hari Merdeka.



Pemasangan banner program sebelum memulakan aktiviti. Seramai 30 orang ahli menyertai program ini.

17 SEPTEMBER 2022

Pertandingan Masakan Resipi Tradisi Keluarga

Pertandingan Masakan Resipi Tradisi Keluarga anjuran PPWS Cawangan Kuching/Samarahan sempena ulang tahun ke-60 PPWS telah diadakan dan dirasmikan oleh Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi PPWS. Aktiviti ini telah diadakan di Perkarangan Ibu Pejabat PPWS, Kuching.



Peserta daripada Perkumpulan Sri Arjuna sedang membuat persiapan untuk menghias menu yang dipertandingkan



Para juri sedang menilai menu yang dipertandingkan oleh peserta



Pemenang tempat pertama dimenangi oleh Puan Rasinem Tarjah bersama anaknya Puan Misiah binti Shinan



Salah seorang penerima hadiah saguhati pertandingan

OKT - DIS 2022

Program Senaman Aerobik dan Kesedaran Kanser Payudara

PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dengan kerjasama Pink Ribbon Support Group Kuching telah mengadakan Ceramah Kanser Payudara untuk memberi pendedahan tentang penyakit kanser payudara kepada komuniti khususnya kepada golongan wanita dan remaja.

Penting anda mempunyai pengetahuan awal tentang penyakit ini supaya mereka bersedia bila diuji penyakit ini pada diri mereka dan tahu membuat pemeriksaan awal dengan membuat pemeriksaan sendiri melalui teknik yang betul dan juga ke klinik berdekatan untuk menjalankan ujian mamogram.

Program ini juga diadakan di 3 buah daerah PPWS lain iaitu Daerah Serian pada 15 Oktober 2022, Daerah Bau pada 22 Oktober 2022 dan Daerah Sebuyau pada 29 Oktober 2022.



Jualan produk serta demonstrasi dari Pink Ribbon Support Group Kuching



Sesi soal jawab mengenai penyakit Kanser Payudara



Ahli-ahli Pink Ribbon Support Group Kuching turut serta dalam program



Senam aerobik beramai-ramai sebelum program ceramah bermula



Matron Bersara, Puan Hajah Betie Haji Piee sedang memberi ceramah Kesedaran Kanser Payudara di Kampung Atas Singai, Bau



Ahli-ahli PPWS bersama ahli-ahli Pink Ribbon Support Group Kuching

27 OKTOBER 2022

Program Walk of Love Simunjan

Program Walk of Love Simunjan 2022 anjuran PPWS Daerah Simunjan telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Sri' Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) merangkap Ahli Parlimen P200 Batang Sadong.



Ahli-ahli PPWS berjalan kaki di sekitar pekan Simunjan.



Ahli-ahli PPWS berkumpul beramai-ramai sebelum program bermula

3 NOVEMBER 2022

Demostrasi Masakan Tumpik dan Lempeng Lemantak Sempena Sarawak Regatta

PPWS dijemput oleh Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) untuk membuat demonstrasi masakan Tumpik dan Lempeng Lemantak di Waterfront Kuching sempena Sarawak Kitchen - Sarawak Regatta. Demonsrasi masakan telah ditunjuk ajar oleh Perkumpulan Green.



Gambar ahli-ahli PPWS bersama tetamu kenamaan yang hadir pada pagi tersebut



Demo masakan pada pagi tersebut disaksikan oleh Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu, Datin Amar Hajah Baduyah Haji Bujang, Dato Hajah Dayang Morliah Datuk Haji Awang Daud dan tetamu daripada badan NGO lain

5 NOVEMBER 2022

Demostrasi Masakan Kuih Cara Berlauk Sempena Sarawak Regatta

Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) sekali lagi menjemput PPWS untuk membuat demonstrasi masakan Kuih Cara Berlauk yang diadakan di Waterfront Kuching sempena Sarawak Kitchen - Sarawak Regatta. Demonstrasi masakan telah ditunjuk ajar oleh Perkumpulan PERGUWANIS.



Puan Mazalina, salah seorang kakitangan JWKS sedang mencuba memasak Kuih Cara Berlauk sambil ditunjuk ajar oleh wakil daripada PPWS



Demonstrasi masakan sedang dibuat sambil diperhatikan oleh tetamu yang hadir

7 NOVEMBER 2022

Demostrasi Masakan Tumpik dan Lempeng Lemantak Sempena Sarawak Regatta

Program ini dianjurkan oleh PPWS Daerah Serian bagi memberi sumbangan kepada ahli-ahli daripada Perkumpulan di bawah PPWS Daerah Serian yang kurang berkemampuan. Sumbangan telah disampaikan secara berperingkat.



Pemberian sumbangan keperluan asas kepada ahli daripada Perkumpulan Kampung Hilir



Pemberian sumbangan keperluan asas kepada ahli daripada Perkumpulan Kampung Krusen Mawang

12 NOVEMBER 2022

Majlis Perasmian Bangunan Baru Perkumpulan Annah Rais

Yang Berhormat Datuk Dr. Jerip Anak Susil merasmikan bangunan baru Perkumpulan Annah Rais. Perasmian ini turut diraikan bersama dengan Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan iaitu Puan Hasmah Sauni Samat, Pengerusi PPWS Daerah Kuching iaitu Puan Norhasyimah Abdullah serta ahli-ahli daripada PPWS Daerah Kuching. Bangunan ini dibina bertujuan untuk memberi kemudahan hli-ahli Perkumpulan Annah Rais menjalankan aktiviti kesukarelaan.



Ahli-ahli PPWS menyambut ketibaan Yang Berhormat Datuk Dr. Jerip Anak Susil, Tetamu Kehormat Majlis



Plag perasmian yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Jerip Anak Susil untuk ditempatkan di bangunan baru Perkumpulan Annah Rais



Jawatankuasa Perkumpulan Annah Rais serta ahli-ahli bersama tetamu kehormat di pentas untuk sesi memotong keke

28 -29 NOVEMBER 2022

Kelas Asas Kek Lapis Sarawak

Kelas Asas Kek Lapis Sarawak telah diadakan di Rumah Usahawan Wanita Daerah Simunjan. Kelas ini diajar oleh Puan Zubaidah Sahadar daripada Persatuan Kek Lapis Sarawak. Program ini dihadiri oleh Pengerusi Daerah Simunjan, Puan Dayang Jemilah Awang Hassan serta ahli-ahli PPWS.



Ahli dari Persatuan Kek Lapis Sarawak bersama ahli PPWS Daerah Simunjan



Dua jenis kek lapis yang diajar semasa kelas dijalankan

Berita Cawangan
Kuching /
Samarahan

1 JANUARI 2022

Hari Keluarga PPWS

Salah satu aktiviti ialah Pertandingan Melukis Kanak-Kanak yang disertai oleh anak-anak dan cucu-cucu dalam kalangan ahli PPWS. Program ini anjuran Perkumpulan Agropolitan Seduku bertempat di Dewan Terbuka Seduku. Program ini telah dirasmikan oleh YB Hajah Dyg Norazah Awg Sohor, ADUN N28 Lingga



29 JANUARI 2022

Jamuan Hi-Tea Sempena Pertandingan Masakan Sihat

Gambar kenangan bersama Puan Masnah Ramli dan Puan Salbiah Abdullah, Exco PPWS Sri Aman di Hotel Seri Simanggang setelah pertandingan masakan selesai diadakan sekaligus menjadi Juri untuk pertandingan masakan tersebut. Tempat pertama telah dimenangi oleh Puan Rogayah Abang, Perkumpulan Kpg Tengah Betong. Objektif program tersebut adalah untuk ahli PPWS memahami dan mempelajari penyediaan makanan sihat dan bersih



JAN - FEB 2022

Mesyuarat PPWS

Mesyuarat PPWS Daerah Saratok yang dihadiri oleh seramai 26 orang ahli pada 15 Januari 2022 untuk membentangkan aktiviti tahunan.



Mesyuarat Perkumpulan Kampung Muroh disertai oleh 30 orang ahli pada 22 Januari 2022 bagi membincangkan penubuhan baru Perkumpulan ini dalam PPWS Daerah Sarawak.

Mesyuarat Daerah Sri Aman dan Mesyuarat Cawangan Sri Aman diadakan pada tarikh yang sama pada 19 Februari 2022. Mesyuarat merangka aktiviti tahunan dan membentangkan laporan tahunan.



12 FEBUARI 2022

Program Brisk Walk

PPWS Daerah Saratok Bersama Perkumpulan Kampung Masjid Saratok telah diadakan bersama 26 orang ahli PPWS untuk mempromosikan budaya hidup sihat dalam kehidupan seharian



FEB & SEPT 2022

Sesi Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran

Penyerahan Sumbangan PPWS Cawangan Sri Aman kepada mangsa kebakaran di kpg hulu sri aman, Puan Radiah Tahir sekeluarga . Sumbangan berupa wang tunai daripada exco ppws,ajk cawangan dan daerah sri aman, perkumpulan, org perseorangan dan juga sumbangan pakaian terpakai daripada Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS pada 19 Februari 2022.



25 JANUARI 2022

Program Bicara Ilmu

Program telah dihadiri oleh 3 orang ahli PPWS termasuk Puan Dayang Noor Ruzaliny, Pengelola PPWS Sri Aman dan Puan Hajah Frida Sani, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman



Penyerahan Sumbangan gabungan PPWS 4 Perkumpulan Kabong kepada mangsa kebakaran di kampung baru darat kabong. Sumbangan berupa wang tunai dan telah diserahkan pada 28 september 2022.

20 FEBUARI 2022

Sumbangan Kepada Ahli PPWS

Sumbangan kepada Puan Rohana Ador telah disampaikan oleh Perkumpulan Kampung Hilir. Beliau terlantar sakit dan mengalami sakit urat saraf. Didoakan beliau cepat sembuh.



13 MAC 2022

Pertandingan Masakan Kampung

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Saratok di Surau Cahaya Islam, Kampung Melango Lama Saratok. Pertandingan ini diadakan untuk memperkenalkan masakan kampung terutama kepada anak-anak muda dan membuka peluang pembelajaran dikalangan warga emas dan ahli ppws khususnya dalam mempelajari kemahiran, resipi dan tatacara yang betul dalam dunia masakan.



11 MAC 2022

Pertandingan Membuat Aneka Bingka

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Hilir/Tengah Betong dan dan program ini dihadiri 30 orang ahli PPWS. Selesai acara pertandingan, mereka mengadakan sesi minum petang beramai-ramai.



14 APRIL 2022

Program Agihan Bubur Lambuk Sempena Bulan Ramadan

Program ini diadakan dengan kerjasama antara MYSED Bahagian Sri Aman/UKAS, Jabatan Penerangan, APM Sri Aman, PPWS dan Jawatankuasa Pengurusan Dewan Sri Lemanak yang dirasmikan oleh YB Dato Sri Hajah Rohani Abdul Karim



12 MAC 2022

Pertandingan Memasak Berasaskan Ayam Sempena Program Nyintak Undang Anjuran Perkumpulan Kampung Hulu, Sri Aman

Pertandingan Memasak berasaskan Ayam sempena Program Nyintak Undang Anjuran Lemanak Xtive di Kpg Hulu, Lemanak Sri Aman. Pertandingan yang juga disertai oleh Ahli PPWS dan turut memeriahkan program itu ialah Pengerusi Daerah Sri Aman, Puan Saidah Saibi dan Timbalan Pengerusi Perkumpulan Kpg Hilir, Puan Dyg Mageret selaku juri dalam pertandingan tersebut



APRIL 2022

Program Agihan Bubur Pedas Sempena Bulan Ramadan



Perkumpulan Kampung Melayu Roban
14 April 2022



Perkumpulan Kampung Baru dan Perkumpulan Kampung Tengah Betong
15 April 2022



Perkumpulan Kampung Pangkat
9 April 2022



Perkumpulan Kampung Pusa
14 April 2022

Perkumpulan Kampung Melango
24 April 2022

14 MEI 2022

Sambutan Hari PPWS 5 Mei

Program ini disambut sekali dengan Ramah Tamah Hari Raya dan sambutan Hari Ibu di Bangunan PPWS Sri Aman. Seramai 30 orang ahli jawatankuasa dan pengerusi perkumpulan yang menghadiri majlis tersebut. Setiap ahli yang menghadiri membawa biskut dan kuih muih hari raya untuk disajikan pada hari program tersebut.



24 MEI 2022

Program Grandparenting

5 orang wakil PPWS telah hadir ke program ini anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak & LPPKN Sarawak bagi berkongsi ilmu berkaitan penjagaan cucu.



MEI 2022

Sambutan Ramah Tamah Aidilfitri 2022

Perkumpulan Kampung Sembau mengadakan sambutan ramah tamah aidilfitri pada 21 Mei 2022, bertempat di Surau Kampung Sembau dan dihadiri oleh 30 orang tetamu



Ahli-ahli Perkumpulan Kampung Melango Baru telah hadir ke Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Santai Raya 2022 di Uptown Saratok yang dianjurkan oleh GPS P205 Saratok pada 22 Mei 2022

Ahli-ahli PPWS dari Perkumpulan Kampung Baru Betong dan Kampung Tengah Betong hadir ke Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran MAKSAM Wanita Betong.



Majlis ini diadakan dengan kerjasama KRT, JKK, WADIRA, BELIA dan Perkumpulan Agropolitan Seduku pada 28 Mei 2022

Program telah diadakan di Dewan Masyarakat Kampung Kalok, Pusa pada 29 Mei 2022



28 MEI 2022

Sambutan Santai Raya Sempena Sambutan Jubli Intan Ke-60 PPWS

Seramai 30 orang ahli PPWS di Daerah Saratok berkumpul bagi menyambut perayaan hari raya beramai-ramai dan mereka mengadakan Pertandingan Pulut Kuning sempena menyambut Jubli Intan Ke 60 PPWS.



4 - 6 JULAI 2022

Persidangan Ke-13 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh

Persidangan yang diadakan di Kuching ini telah dihadiri oleh 3 orang ahli PPWS Sri Aman termasuk Puan Hajah Frida John Abdullah, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman.



Turut hadir ialah Puan Dayang Noor Ruzaliny Awang Jamian, Pengelola PPWS Cawangan Sri Aman dan Puan Dayang Margaret.

16 JULAI 2022

Majlis Jamuan Teh Bersempena Jubli Intan Ke-60 PPWS

Majlis yang telah diadakan di Waterfront Hotel Kuching ini telah dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa PPWS Sri Aman dan PPWS Alit Kabong bagi menyokong Program PPWS Negeri.



JULAI - OGOS 2022

Pengagihan Bubur Lambuk dan Bubur Asyura

Program bubur lambuk PPWS Perkumpulan Kpg Tengah Betong Dan gabungan brsama Saiba Butik Betong sempena 1 Muharam di Kpg Tengah Betong pada 30 Julai 2022.



Program Bubur Asyura agihan kepada ahli-ahli ppws dan penduduk kampung muroh oleh PPWS Perkumpulan Kampung Muroh di rumah bendahari pada 7 ogos 2022.

Program bubur asyura PPWS Kpg Baru Betong bersama NGO yang terlibat di Surau Darul Taqwa Betong pada 20 Ogos 2022.



13 OGOS 2022

Sumbangan Khairat Kematian

Sumbangan ikhlas daripada PPWS Cawangan Sri Aman kepada Pn Lela Ain diatas pemergian bonda tercinta.



14 OGOS 2022

Program Walk For Life

PPWS Daerah Saratok menyertai Program Walk For Life di Pentas Utama, Dataran Sri Kalaka Saratok. Program ini berbentuk aktiviti jalan kaki dan aktiviti senam robik. Antara tujuan program ini dilaksanakan ialah menyemai budaya hidup aktif melalui jalan kaki dan merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan masyarakat.



20 OGOS 2022

Perasmian Bangunan Pusat Sumber Wanita

Perasmian Bangunan Pusat Sumber Wanita, PPWS Kpg Pangkat oleh Dato Sri Hjh Rohani Binti Abdul Karim, Ahli Parlimen P201 Batang Lupar merangkap Penasihat di Pejabat Premier Sarawak.

Program tersebut dihadiri oleh Pengerusi Cawangan, Hajah Frida Binti Abdul Sani, Naib Pengerusi Cawangan, Rozarina Kassim dan Pengelola Cawangan, Dyg Noor Ruzaliny Awg Jamain.



31 OGOS 2022

Sambutan Hari Kemerdekaan 65 Tahun

Program ini ialah anjuran Komuniti Keluarga Malaysia Kampung Nyabor, dengan kerjasama PPWS Kampung Nyabor , KRT Kampung Nyabor dan JKK Kampung Nyabor. Dirasmikan oleh wakil Yang Berhormat Ali Anak Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli Malaysia Merangkap Ahli Parlimen P205 Saratok.



Pertandingan Mewarna sempena Hari Merdeka anjuran PPWS Perkumpulan Melango Baru Saratok di perkarangan Surau Darul Iman, Saratok.

6 - 7 SEPTEMBER 2022

Lawatan Sambil Belajar PPWS Perkumpulan Gartak Miri

Lawatan Sambil Belajar PPWS Perkumpulan Gartak Miri ke PPWS Perkumpulan Pusa. Lawatan ke Kilang pembuatan gula apong (gula apong dan sirap gula apong diberi secara percuma) , Kilang Roti Sepit Hajah Kalsom dan demo membuat Tumpik Tap dan Tumpik Aruk. Turut hadir memeriahkan program di Pusa adalah Pn Hajah Frida Bt Abdul Sani, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman dan Pengelola PPWS Cawangan Sri Aman.



7 - 11 SEPTEMBER 2022

Lawatan Penanda Aras PPWS Daerah Saratok dan Majlis Ramah Mesra Perkep Kontijen Sabah

Lawatan Penanda Aras PPWS Daerah Saratok ke Sabah. Seramai 25 orang ahli telah mengikuti lawatan tersebut. Rombongan diketuai oleh Pengerusi PPWS Daerah Saratok, Puan Hajah Razenah Spawi.



Majlis Ramah Mesra Perkep Kontijen Sabah bersama PPWS Daerah Saratok di Ibu Pejabat Polis Sabah pada 9 September 2022.

16 SEPTEMBER 2022

Sambutan Hari Malaysia

PPWS Perkumpulan Pusa mengikuti program Sambutan Hari Malaysia 2022 di Dewan Komuniti Kampung Dato Godam Anjuran Pusat Khidmat Parlimen P201 Batang Lupar.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Rohani Binti Abdul Karim, P201 Batang Lupar.



16 - 18 SEPTEMBER 2022

Program Sukaneka Riang Ria

Program Sukaneka Riang Ria Anjuran PPWS Kampung Pangkat. Seramai 15 orang ahli PPWS mengikuti program yang dijalankan di Kuching. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menghargai ahli-ahli yang telah bersama kpg pangkat dan membawa mereka untuk melawati tempat-tempat menarik di Kuching.



7 OKTOBER 2022

Program Membuat Kuih Muih dan Biskut Tradisi

PPWS Perkumpulan Kampung Pangkat menganjurkan program membuat kuih muih/biskut tradisi sempena perayaan Maulidur Rasul. Antara kuih muih dan biskut tradisional yang dibuat seperti kuih jala, biskut susu, biskut bijan dan roti koyong.



8 OKTOBER 2022

Gotong Royong Membersih Masjid

PPWS Daerah Saratok mengadakan gotong royong membersihkan Masjid Al-Muhtadin, Saratok sempena Program Khatam Al-Quran Sempena Sambutan Maulidur Rasul.



30 OKTOBER 2022

Hari Bersama PPWS Gabungan Perkumpulan Di Pusa, Beladin dan Meludam Bersama SABATI

Program ini telah diadakan di Perkarangan Pasar Beladin. Sebanyak 9 buah Perkumpulan telah mengikuti program tersebut dan antara acara yang diadakan adalah senaman pagi dan sukaneka.

Program tersebut juga telah dirasmikan oleh YB Haji Razali Bin Haji Gapor, ADUN N29 Beting Maro beserta isteri, Dr Hajah Aishah Rohani.



26 NOVEMBER 2022

Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang

Seramai 190 orang ahli daripada setiap Daerah dan Perkumpulan di bawah PPWS Cawangan Sri Aman telah menghadiri majlis ini. Tujuan majlis ini diadakan bagi mengenang jasa ahli-ahli yang aktif dalam Perkumpulan bagi sesi 2021-2022. Antara acara kemuncak pada majlis tersebut adalah penyampaian anugerah kepada ahli paling aktif dan paling lama.



Anugerah Kepada Ahli Paling Aktif dan Lama telah disampaikan kepada Puan Nancy Anak Bungang daripada Perkumpulan Suak A Meludam. Anaknya telah mewakili beliau dalam majlis tersebut

10 DISEMBER 2022

Majlis Jasamu Dikenang Anjuran Perkumpulan Pusa

Majlis ini diadakan sempena mengenang jasa ahli-ahli yang banyak memberi kerjasama bagi Jawatankuasa Sesi 2021-2022.

Turut hadir ialah Puan Suriati Abdullah, Pengerusi Perkumpulan Pusa dan juga Puan Hajah Frida Abdul Sani, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman.



Mesyuarat Perwakilan Perkumpulan Sesi 2023-2024
Sepanjang Disember 2022



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Beladin.



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Hulu



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Meludam



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Sembau



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Pusa



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Simanggang Town



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Pangkat



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Baru Kabong



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Pasir Panas



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Hulu Kabong



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Hilir



Jawatankuasa dan Ahli Daripada
Perkumpulan Kampung Melango Baru Saratok

15 JANUARI 2022

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2022 PPWS Daerah Sarikei

Seramai 25 orang ahli PPWS hadir dalam Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2022 PPWS Daerah Sarikei bertempat di bangunan PPWS Daerah Sarikei. Turut hadir ke mesyuarat ialah Puan Ummu Hani Bin Junaidi, Pengerusi Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit dan Puan Belkis Kipli, Bendahari Kehormat Cawangan. Turut serta ialah Puan Maimunah Yusuf, Pengelola PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit.



17 APRIL 2022

Program Ziarah Kebajikan

Seramai 4 orang AJK PPWS Daerah Kapit termasuk Pengerusi PPWS Daerah, Puan Noraini Abdullah telah mengadakan ziarah dan memberi sumbangan kepada ahli Perkumpulan Kampung Baru Kapit, Puan Sharifah yang baru kehilangan suaminya.



17 APRIL 2022

Sumbangan Anak-Anak Yatim Dan Orang Kurang Berkemampuan Sempena Bulan Ramadan



Sumbangan kepada salah seorang penerima anak yatim



Sumbangan kepada salah seorang orang kurang berkemampuan

PPWS Daerah Sibu telah mengadakan Program Sumbangan Raya kepada Anak -Anak Yatim Dan Orang Kurang Berkemampuan. Program ini diadakan setahun sekali pada bulan Ramadan bertujuan membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk dapat membeli persiapan hari raya. Penyerahan sumbangan diadakan di Bangunan PPWS Bahagian Sibu/Sarikei/Kapit.

16 JANUARI 2022

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2022 Daerah Kapit

Seramai 23 orang ahli PPWS di Kapit telah hadir ke mesyuarat yang dipengerusikan oleh Puan Noraini Binti Abdullah.



13 FEBUARI 2022

Lawatan Santai Ke Perkumpulan Kampung Igan



Jamuan yang dihidangkan kepada tetamu-tetamu yang hadir



Produk yang dihasilkan ahli PPWS untuk dipamerkan kepada Jawatankuasa Cawangan



Ahli Perkumpulan Kampung Igan yang dipengerusikan oleh Puan Nor Zehan Binti Mahros bersama dengan rombongan daripada peringkat Cawangan mengambil gambar kenangan bersama

Lawatan santai PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit ke Perkumpulan Kampung Igan. Turut hadir ialah Exco Cawangan iaitu Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mariam Abang Mustapa. Dalam lawatan itu, diadakan pameran hasil kraftangan ahli dan juga hasil keluaran makanan kering dari Perkumpulan Kampung Igan

17 APRIL 2022

Program Sumbangan Makanan Berbuka Puasa Kepada Penghuni Penjara Sibu

Sumbangan makanan berbuka puasa seperti bubur pedas dan aneka kuih muih kepada penghuni Penjara Sibu telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Sibu. Seramai 7 orang ahli termasuk Puan Hajah Salemah Binti Chali dan Puan Maimunah Yusuf, Pengelola Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit hadir kesesi penyerahan sumbangan ini



17 MEI 2022

Majlis Makan Malam Sempena Lawatan Pengerusi Negeri PPWS Serta JKK Sosial Dan Rekreasi Ke Kapit

Majlis Makan Malam Anjuran PPWS Daerah Kapit yang telah diadakan di Dewan Masyarakat Melayu Kampung Muhibbah, Kapit. Seramai 80 orang tetamu hadir bagi memeriahkan majlis makan malam ini.

Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS, Yang berbahagia Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mariam Abang Mustapa, Exco Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit dan Pengerusi JKK Sosial dan Rekreasi, Puan Salbiah Abdullah.



Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berbahagia Datin Sri Angelina Celestine Ujang, isteri kepada Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Parlimen P.215 Kapit

18 MEI 2022

Program Lawatan JKK Sosial Dan Rekreasi Ke PPWS Perkumpulan Abang Barieng Sibu

Program Lawatan JKK Sosial dan Rekreasi telah memilih PPWS Perkumpulan Abang Barieng Sibu untuk bersuai kenal dengan Perkumpulan yang aktif dipengerusikan oleh Puan KK Hajah Fatimah Binti Haji Narawi. Beliau berasa berbesar hati menerima kehadiran Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati Binti Haji Mohd Ismail di perkumpulan mereka. Sambutan diraikan sekali dengan Majlis Ramah Tamah Aidilfitri sempena bulan Syawal.



18 MEI 2022

Majlis Makan Malam Bersempena Sambutan Ulang Tahun PPWS Ke-60 Tahun

Majlis Makan Malam Bersempena Sambutan Ulang Tahun PPWS Ke-60 telah diadakan di Lihua Hotel serta meraikan ketibaan Pengerusi Negeri PPWS, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail serta rombongan daripada JKK Sosial dan Rekreasi yang dipengerusikan oleh Puan Salbiah Abdullah.

Seramai 80 orang ahli PPWS telah hadir di majlis tersebut. Antara pengisian atur cara pada malam tersebut ialah acara memotong kek 60 tahun dan memberi sumbangan cenderamata kepada 15 orang ahli PPWS di Sibu yang banyak memberi sumbangan aktif dalam PPWS.



Salah seorang penerima cenderamata daripada JKK Sosial dan Rekreasi

21 JUN 2022

Majlis Sambutan 60 Tahun PPWS Anjuran PPWS Daerah Sarikei

Majlis Sambutan 60 Tahun PPWS anjuran PPWS Daerah Sarikei diadakan pada hari ini yang dirasmikan oleh YB Dato Seri Huang Tiong Sii, ADUN N45 Repok. Di dalam majlis tersebut, beliau menyerahkan sumbangan kepada PPWS Daerah Sarikei bagi tujuan aktiviti dan program PPWS.

Turut hadir ialah Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit dan Exco PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit, YBhg. Datin Mary Masing serta Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha.



Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit sedang bersalaman dengan tetamu kehormat



Ahli-ahli PPWS mengambil peluang bergambar bersama YB Dato Seri Huang Tiong Sii

14 JULAI 2022

Program Mengibarkan Bendera Sarawak Sempena Sambutan Hari Sarawak



PPWS Daerah Sibu telah mengadakan Program Mengibarkan Bendera Sarawak Sempena Sambutan Hari Sarawak. Bendera tersebut dikibarkan di Bangunan PPWS Daerah Sibu. Ahli juga bergotongroyong menghias pagar sekitar bangunan dengan bendera Sarawak dan bendera Malaysia. Objektif program ini untuk meningkatkan semangat patriotik kita kepada Negeri Sarawak dan Negara Malaysia.

20 JULAI 2022

Borneo Cultural Festival 2022



Penari-penari Borneo Cultural Festival yang menyertai program ini



Puan Maimunah Yusuf, Pengelora PPWS Cawangan Sibu/ Sarikei/ Kapit turut dijemput membuat persembahan

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Sibu telah membuat persembahan pada malam Borneo Cultural Festival 2022 yang diadakan di Dataran Tuanku Bujang Sibu iaitu persembahan tarian dan nyanyian. Festival ini telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Sibu. Mereka memberi peluang kepada setiap Agensi NGO yang terpilih untuk sama-sama berkolaborasi memeriahkan malam tersebut. Persembahan tarian dan nyanyian adalah berkonsepkan Melayu Berzaman.

8 OGOS 2022

Pertandingan Memasak Pesta Daro

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Daro telah menganjurkan Pertandingan Memasak di Pesta Daro pada 8 Ogos 2022. Pengerusi PPWS Daerah Daro, Puan Hapipah Jonas telah memaklumkan penyertaan mendapat sambutan hangat daripada ahli. Di samping itu, peserta yang berjaya dalam pertandingan ini akan bertanding di Peringkat Cawangan dalam Pertandingan Resepi Tradisi Keluarga yang akan diadakan bulan September 2022 nanti bertempat di Bangunan PPWS di Sibu.



Nombor dua

10 OGOS 2022

Program Kembara Ihsan Kebajikan Ahli Dan Anak Yatim



Salah seorang ahli PPWS yang telah menerima sumbangan ikhlas PPWS ini



Salah seorang anak yatim yang terpilih menerima sumbangan melalui program ini

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Sibu telah mengadakan Program Kembara Ihsan melawat ahli PPWS yang kurang sihat dan memberi sumbangan kepada anak yatim. Pengerusi PPWS Daerah Sibu, Puan Hajah Salemah Chali turut hadir ke program kembara di Sibujaya dan Sentosa Salim. Program tersebut bagi mengenang jasa dan sebagai penghargaan kepada ahli tersebut yang sekian lama aktif dalam PPWS.

11 OGOS 2022

Program Sumbangan Sosial Ke Kompleks Kebajikan Juma'ani Tuanku Haji Bujang, Sibu



Ahli-ahli PPWS dibawa melihat asrama anak yatim di kompleks tersebut



Ahli-ahli PPWS dibawa melihat ruangan aktiviti di kompleks tersebut



Sesi penyerahan sumbangan barangan makanan bagi keperluan anak yatim yang menginap di asrama

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak Perkumpulan Sibujaya telah menjayakan pemberian sumbangan keperluan kepada warga kompleks Kebajikan Juma'ani Tuanku Haji Bujang, Sibu. Seramai 52 orang anak yatim yang menginap di asrama mereka masih bersekolah.

Pihak Ahli Lembaga Peryatim Sarawak Merangkap Pengerusi, Yang Berbahagia Dato Haji Mohamad Yusnar Bin Haji Matalie serta kakitangan Kompleks mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perkumpulan Sibujaya yang dipengerusikan oleh Puan Belkis Kipli.

21 - 22 SEPTEMBER 2022

Kursus Jahitan Kreatif Tote Beg Dan Porch Beg

Seramai 45 orang ahli PPWS Perkumpulan Bandar Tanjung Baru Manis telah mengikuti kursus jahitan yang telah dianjurkan oleh Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak. Program bertempat di bangunan Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis. Program ini memberi peluang agar wanita dapat bergiat dalam bidang jahitan untuk membantu mereka menjana pendapatan sampingan.



Ahli-ahli PPWS sedang tekun menjahit menggunakan mesin yang disediakan pihak penganjur



Ahli PPWS bersama kakitangan JWKS dan tenaga pengajar bengkel

21 OKTOBER 2022

Lawatan Muhibah Perkumpulan Lutong Miri Ke Bandar Baru Tanjung Manis, Belawai, Jerijih Dan Rajang

Rombongan dari Perkumpulan Lutong, Miri utuk melawat ke Belawai, Jerijih, Rajang dan Bandar BaruTanjung Manis pada pagi tersebut telah disambut oleh ahli-ahli PPWS Daerah Sarikei serta semua Pengerusi-Pengerusi Perkumpulan dari Rajang, Belawai, Bandar Baru Tanjung Manis dan Jerijih. Tempat lawatan lain yang turut dilawat ialah Pusat Tenun Songket, Pembuatan Kuih Tradisional dan Rumah PPWS di Bandar Baru Tanjung Manis



Rombongan melawat ke Rumah PPWS Bandar Baru Tanjung Manis disambut oleh Timbalan Pengerusi Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis



Sesi beramah makan di Restoren Ifitah, Belawai bersama rombongan lawatan

20 OKTOBER 2022

Lawatan Muhibah Rombongan PPWS Perkumpulan Lutong Miri Ke Masjid Al-Qadim Sibu

Seramai 27 orang ahli PPWS dari Perkumpulan Lutong, Miri melatan ke Masjid Al-Qadim, Sibu. Rombongan diketuai Puan Sharifah Zuridah Binti Wan Hill, Pengerusi Perkumpulan Lutong. Turut hadir mengikuti lawatan tersebut ialah Puan Habsah Daud, Pengerusi PPWS Cawangan Miri/Bintulu.



Ahli-ahli Perkumpulan Lutong, Miri bersama Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Sibu



Rombongan telah disambut oleh Jawatankuasa Masjid dan ahli-ahli PPWS telah dikongsikan berkenaan sejarah Masjid Al-Qadim



Puan Sharifah Zuraidah bin Wan Hill, Pengerusi Perkumpulan Lutong, Miri menyampaikan sumbangan kepada Pengerusi Masjid Al-Qadim

22 OKTOBER 2022

Lawatan Ke Galeri Rosli Dhoby

Rombongan Perkumpulan Lutong, Miri telah membuat lawatan ke Galeri Rosly Dhoby dengan diiringi oleh ahli-ahli daripada PPWS Daerah Sibu serta Pengerusi PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit.



Ahli-ahli mengambil kesempatan bergambar di ruangan galeri Rosli Dhoby



Puan Salemah Chali, Pengerusi PPWS Daerah Sibu mengambil kesempatan untuk menyampaikan sumbangan kepada Galeri Rosli Dhoby

20 OKTOBER 2022

Majlis Malam Mesra Bersama Rombongan Perkumpulan Lutong, Miri Anjuran PPWS Daerah Sibu

Majlis Makan Malam bagi menyambut rombongan Perkumpulan Lutong, Miri telah diadakan di Hotel Li Hua, Sibu. Seramai 100 orang telah hadir memeriahkan majlis makan malam tersebut. Turut hadir Pengerusi Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Puan Ummu Hani Junaidi, Puan Habsah Daud Pengerusi Cawangan Miri Bintulu dan Puan Sharifah Zuridah Binti Wan Hill (Pengerusi Perkumpulan Lutong Miri).

Rombongan lawatan bergambar bersama Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi PPWS Cawanagan Sibu/ Sarikei/ Kapit dan Puan Habsah Daud, Pengerusi PPWS Cawanagan Miri/ Bintulu



Persembahan tarian poco-poco oleh ahli PPWS Daerah Sibu

12 - 14 NOVEMBER 2022

Lawatan Pengerusi Negeri PPWS Bersama Ahli Jawatankuasa Induk PPWS Ke Bandar Baru Tanjung Manis Belawai, Rejang Dan Jerijeh

Pengerusi Negeri, Dato Hajah Norhyati Binti Haji Mohd Ismail bersama Ahli Jawatankuasa Induk PPWS lain berpeluang melawat Bandar Baru Tanjung Manis, Belawai, Rajang dan Jerijeh. Rombongan turut dibawa melawat dan beramah mesra dengan ahli-ahli PPWS di Perkumpulan Kampung Belawai dan Perkumpulan Kampung Rajang selain melawat Rumah Tenun Rajang.



Lawatan Ke Kampung Rejang Tenun Songket



Pengerusi Negeri serta Ahli Jawatankuasa Induk PPWS dibawa beramah mesra dengan ahli-ahli PPWS di Perkumpulan Belawai selain belajar membuat suman



Puan SR Hajah Siti Khatijah Haji Othman, Setiausaha Kehormat PPWS sedang tekun mencuba kuih putu mayong



Pengerusi Negeri PPWS selesai mencuba membuat suman sambil diajar oleh salah seorang ahli Perkumpulan Belawai



Pengerusi Negeri PPWS menerima cenderahai daripada Pengerusi Perkumpulan Belawai

13 NOVEMBER 2022

Lan Berambek Bersama Perkumpulan Bandar Baru Tanjung



Pengerusi Negeri PPWS menandatangani buku pelawat di Rumah Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis sambil diperhatikan oleh beberapa Jawatankuasa Induk PPWS lain



Puan Hajah Kamariah Haji Harmi, Bendahari Induk PPWS menerima cenderahai daripada Puan Anni Hashimah daripada Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis



Gambar kenangan Jawatankuasa Induk PPWS bersama Jawatankuasa Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis di rumah PPWS di Tanjung Manis



Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha, Wakil Exco PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit menerima cenderahai yang disampaikan oleh Puan Anni Hashimah



Datin Mary Masing, Wakil Exco PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit turut menerima cenderahai yang disampaikan oleh Puan Anni Hashimah



Turut berlangsung ialah Sesi Demonstrasi Pencegahan Kebakaran oleh Anggota Bomba Tanjung Manis untuk memberi tambahan ilmu keselamatan kepada ahli-ahli PPWS

13 NOVEMBER 2022

Lawatan Berambek Bersama Perkumpulan Jerijeh

Lawatan kedua ialah ke Kampung Jerijeh dan disambut oleh ahli-ahli dari Perkumpulan Kampung Jerijeh. Disamping itu, Pengerusi Negeri PPWS, Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail berkesempatan melihat demo pembuatan kuih seperti Kuih Takir dan pembuatan Kerepek Ubi selain demo kraftangan daripada usahanita PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit. Sesi jualan turut diadakan.



Pengerusi Negeri PPWS menerima cenderahai daripada Puan Salemah Chali, wakil daripada Perkumpulan Jerijeh



Persembahan muzik oleh ahli-ahli Perkumpulan Jerijeh untuk menyambut rombongan Jawatankuasa Induk PPWS



Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Hajah Hanipah Fauziah bersama-sama mencuba membuat kuih takir sambil diperhatikan oleh Puan Salemah Chali, Pengerusi PPWS Daerhah Sibu

17 MEI 2022

Jamuan Makan Malam Santai Di Iftitah Belawai



Tetamu di meja utama berpakaian mengikut tema batik dan mereka bersedia untuk menjamu selera



Ahli-ahli PPWS yang turut serta dalam Jamuan Makan Malam Santai Bersama Jawatankuasa Induk PPWS

10 DISEMBER 2022

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Sarikei Sesi 2023-2024



11 DISEMBER 2022

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Sibu Sesi 2023-2024



16 DISEMBER 2022

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Daro Sesi 2023-2024



17 DISEMBER 2022

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Matu Sesi 2023-2024



18 DISEMBER 2022

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Mukah Sesi 2023-2024



23 JANUARI 2022

Bazaria PPWS Daerah Bintulu/Tatau



Antara gerai jualan yang ada dibuka di pekarangan bangunan PPWS Bintulu Tatau



YB Datuk Haji Talib Zulpilih, ADUN N67 Jepak bersama isteri mengunjungi jualan usahannya PPWS

18 MEI 2022

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dan Hari PPWS Anjuran PPWS Daerah Miri/Lutong



Penyerahan sumbangan Hari Rayamiatu duit raya dan skim perlindungan takaful kepada anak yatim PPWS daerah Miri / Lutong oleh Puan Elvina , wakil dari Agro Bank Miri disaksikan oleh YB Lukanisman bin Awang Sauni dan Tuan Residen Miri, Encik Abdul Aziz bin Yusuf



Yang Berhormat , Datuk Hajah Rosey binti Yunus turut hadir ke Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dan Hari PPWS anjuran PPWS Daerah Miri / Lutong

5 FEBUARI 2022

Pertandingan Kek Lapis Premium Di Bangunan PPWS Miri



Perkumpulan Lutong Miri telah menganjur pertandingan Kek Lapis Premium di Bangunan PPWS Miri. Hadir merasmikan pertandingan tersebut adalah YB Tuan Adam Yü Siew Sang Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak N74 Pujut merangkap Datuk Bandaraya Miri



Para Peserta pertandingan Kek Lapis Premium

27 MAC 2022

Sambutan Hari Raya Dan Hari PPWS Dikelola Oleh PPWS Daerah Bekenu



Sambutan Hari Raya dan Hari PPWS dikelola oleh PPWS Daerah Bekenu dihadiri oleh ahli ahli W.I dan masyarakat setempat di gelanggang terbuka Bekenu

27 MAC 2022

PPWS Daerah Bintulu/Tatau Telah Membuat Flagoff Program Infak Ramadan



PPWS Daerah Bintulu / Tatau telah membuat Flagoff program Infak Ramadan yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Talib Zulpilih dan isteri di Bangunan PPWS Bintulu



Yang Berhormat Datuk Talib Zulpilih merasmikan acara Flagoff program Infak Ramadan

13 JUN 2022

Melawat Bangunan PPWS Miri



YB Datuk Sebastian Ting dan rombongan melawat bangunan PPWS Miri. Dalam lawatan tersebut beliau mengumumkan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi membuat pagar baru di bangunan PPWS Miri.

18 JULAI 2022

Lawatan Ke Tempat Penanaman Fertigasi Dan Hidroponik

PPWS Daerah Bintulu/Tatau telah mengadakan lawatan ke tempat penanaman fertigasi dan hidroponik di Kuching. Tujuan lawatan ini untuk mendapatkan tambahan ilmu bagi menyokong usaha ahli-ahli PPWS Bintulu/Tatau dalam penanaman kebun dapur di bangunan PPWS. Ibu Pejabat PPWS telah membantu menyelaras lawatan mereka dengan pihak HFE Agro dan TOCLAN Borneo.



Ahli-ahli PPWS Bintulu/Tatau bersama pihak TOCLAN Borneo



Salah seorang ahli mendengar taklimat berkenaan penanaman hidroponik daripada Encik Azral



Encik Syafik daripada HFE Agro sedang memberi taklimat berkenaan penanaman fertigasi pokok cili di ladang milik beliau

1 SEPTEMBER 2022

Kelas Membuat Bun Dan Mee Kari Anjuran PPWS Daerah Bekenu



Kelas membuat bun anjuran PPWS Daerah Bekenu di rumah PPWS Bekenu



Kelas membuat Mee Kari anjuran PPWS Daerah Bekenu di rumah PPWS Bekenu

6 SEPTEMBER 2022

Pengagihan Bubur Asyura Anjuran PPWS Perkumpulan Lutong



Pengagihan bubur asyura di luar bangunan PPWS Miri anjuran PPWS Perkumpulan Lutong

30 JULAI 2022

Demostrasi Membuat Kek Lapis Lumut Oreo Di Rumah PPWS Marudi



Demostrasi membuat Kek Lapis Lumut Oreo oleh Hj Sharifah Fatimah di rumah PPWS Marudi

8 SEPTEMBER 2022

Aktiviti Pengagihan Bubur Anjuran PPWS Perkumpulan Kampung Pejuang Kelulut



Ahli PPWS Perkumpulan Kampung Pejuang Kelulut bergotong-royong menyediakan juadah untuk diagihkan kepada penduduk setempat



Aktiviti pengagihan bubur kepada penduduk setempat anjuran PPWS Perkumpulan Kampung Pejuang Kelulut

28 OGOS 2022

Aktiviti Gotong Royong Bersama UPM Bintulu

Seramai 35 orang pelajar dan pensyarah daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) Bintulu bersama 18 irang ahli PPWS hadir untuk sama-sama bergotong-royong menceriakan landskap di Bangunan PPWS Bintulu. Pihak UPM turut menyumbang pokok Jambu Batu, pokok Limau Manis dan pokok Laici Brazil untuk ditanam di kawasan bangunan PPWS. Terima kasih UPM Bintulu atas sokongan yang diberikan kepada PPWS!

Sila imbas QR kod menggunakan telefon bimbit anda untuk melihat video aktiviti ini.



15 SEPTEMBER 2022

Lawatan Sambil Belajar PPWS Perkumpulan Gartak Ke Centexs Kuching



Lawatan sambil belajar PPWS Perkumpulan Gartak ke Centexs Kuching

16 SEPTEMBER 2022

Lawatan Sambil Belajar PPWS Perkumpulan Gartak Ke Pusa



Lawatan sambil belajar PPWS Perkumpulan Gartak ke Pusa

3 OKTOBER 2022

Program “Lan Berambah Bersama Warga Emas” Anjuran PPWS Perkumpulan Lutong



Program “Lan Berambah Bersama Warga Emas” anjuran PPWS Perkumpulan Lutong di bangunan PPWS Miri

9 OKTOBER 2022

Aktiviti Sembang Petang Bersama Ahli Anjuran PPWS Perkumpulan Marudi



Aktiviti Sembang Petang Bersama Ahli Anjuran PPWS Perkumpulan Marudi di Rumah PPWS Marudi

9 OKTOBER 2022

Perarakan Bersempena Maulidul Rasul 2022



Ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu mengikuti Perarakan Bersempena Maulidul Rasul 2022

29 OKTOBER 2022

Majlis Makan Malam Bersempena Sambutan Jubli Intan PPWS di Synasty Hotel, Miri

Majlis Makan Malam ini anjuran PPWS Cawangan Miri / Bintulu. Majlis telah dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Adam Yee Siew Sang, ADUN Pujut merangkap Datuk Bandaraya Miri. Turut hadir adalah Wakil Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu iaitu Puan Hilda Mesen Mayor dan Puan Julia Munah ak Payeng. Seramai lebih kurang 300 orang ahli hadir memeriahkan majlis makan malam tersebut.



Sesi pemotongan kek sempena simbolik sambutan Jubli Intan PPWS



PPWS Daerah Bintulu/Tatau dinobatkan sebagai daerah terbaik bagi Cawangan Miri/Bintulu

31 OKTOBER 2022

Majlis Apresiasi Anjuran Perkumpulan Piasau Link, Miri di Grand Palace Hotel, Miri

Tujuan majlis ini di adakan adalah menghargai ahli-ahli lama Perkumpulan Piasau Link. Antara aktiviti yang diadakan adalah cabutan bertuah dan sesi perkongsian bersama ahli lama dan mantan Pengelola Cawangan. Selain itu, aktiviti karaoke turut diadakan bagi memeriahkan majlis.



Dato Ursula Goh bersama mantan pengelola Cawangan Miri/Bintulu dan Puan Sofiani Usop Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu



Salah seorang jawatankuasa menyerahkan salah satu hadiah cabutan bertuah kepada Dato Ursula Goh



Ahli-ahli Piasau Link yang hadir di Majlis Apresiasi anjuran Perkumpulan Piasau Link

23 JANUARI 2022

Bengkel Menanam Sayur Hidroponik



Perkumpulan Kampung Sasa dan Kampung Tanah Sibagol Ulu Merapok Lawas telah mengadakan Bengkel Menanam Sayur Hidroponik di Dewan Kampung Sasa Ulu Merapok dihadiri seramai 60 orang ahli PPWS

11 JUN 2022

Ceramah Sempena Program Seminar Wanita Dan Keluarga Islam Limbang 2022



Ahli PPWS Daerah Limbang dijemput untuk menghadiri Ceramah Sempena Program Seminar Wanita Dan Keluarga Islam Limbang 2022 bertemakan Wanita Islam Dalam Perniagaan anjuran Perkim Cawangan Limbang

5 MAC 2022

Program Pemeriksaan Kesihatan Wanita



Program ini anjuran Perkumpulan Kampung Baru Kuala Berawan & Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang telah diadakan bagi mengesan kanser pangkal rahim dan kanser payudara di peringkat awal

21 JUN 2022

Program Literasi Kewangan/Transaksi Atas Talian & Rakan Pengguna Gerakan Pengguna

Telah berlansung dengan jayanya Ceramah Kesedaran Rakan Pengguna Literasi Kewangan & Transaksi Atas Talian anjuran PPWS dengan kerjasama Pejabat Polis IPD Limbang dan KPDNHEP Limbang di Bangunan Pejabat PPWS Limbang/Lawas.

Objektif program ini ialah memberi panduan kepada wanita akan tips pembelian melalui internet dan risiko yang dihadapi oleh pengguna semasa membeli belah dalam internet. Selain itu, peserta didedahkan dengan tambahan ilmu berkenaan advokasi kepenggunaan.

10 APRIL 2022

Demonstrasi Kek Lapis Premium



Demonstrasi Kek Lapis Premium anjuran Perkumpulan Kampung Belipat Lawas. Objektif program ini untuk memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada ahli di peringkat Perkumpulan kemahiran membuat kek untuk dijadikan sumber pendapatan



Para peserta yang mengikuti sesi ceramah

24 APRIL 2022

Program Ihya' Ramadhan



Program Ihya' Ramadhan Agihan 300 pek Laksa Sarawak anjuran PPWS Daerah Limbang bertempat di perkarangan Pejabat PPWS Cawangan Limbang/Lawas



Puan Hajah Dayang Suridah Haji Mohd Superi, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas menyerahkan cenderamata kepada Tuan Pulnama Bin Tarah, Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Limbang sempena Program Literasi Kewangan/Transaksi Atas Talian & Rakan Pengguna Gerakan Pengguna Bahagian Limbang anjuran bersama PPWS

30 JULAI 2022

Pertandingan Badminton PPWS Daerah Limbang



Gimik Perasmian Pertandingan Badminton oleh Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Limbang di Dewan Kampung Pabahanan

7 OGOS 2022

Kelas Membuat Aneka Roti Perkumpulan Kampung Betong



Seramai 16 orang ahli Perkumpulan Kampung Betong telah menyertai Kelas Membuat Aneka Roti di Dewan Kampung Betong

25 OGOS 2022

Lawatan Exco PPWS Ke Cawangan Limbang/Lawas

Program Lawatan Kerja Exco PPWS Cawangan Limbang/Lawas ke Pejabat PWPS Cawangan Limbang/Lawas telah diadakan pada 25 Ogos 2022. Lawatan tersebut dihadiri oleh Puan Hajah Hamimah Hasbullah dan Puan Hajah Jamelah Matasan. Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi Negeri Puan Hajah Zain Tambi, Naib Pengerusi Negeri, Puan Hajah Aishah Edris dan Ahli Dilantik PPWS, Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said.



Gambar kenangan ahli-ahli PPWS Daerah Limbang bersama rombongan daripada Ibu Pejabat PPWS, Kuching



Puan Hajah Aishah Edris yang juga merupakan Pengerusi JKK Keusahawanan sedang memberi penerangan berkenaan aktiviti dan peluang yang boleh direbut oleh usahawita PPWS

31 OGOS 2022

Pertandingan Rekajipta Poster Program Jom Meriah Merdeka PPWS Daerah Lawas



Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia merangkap Ahli Parlimen P222 Lawas menyerahkan hadiah wang tunai kepada Johan Pertandingan Rekajipta Poster dari Perkumpulan Kampung Belipat Lawas.

28 OKTOBER 2022

Demonstrasi Membuat Kuih Tradisional Borneo Tradisional Food Festival 2022 Wilayah Persekutuan Labuan

Ahli PPWS Daerah Limbang Puan Liha Mulok (kiri) dan Puan Armah usop (kanan) turut sama hadir untuk membuat demonstrasi kuih tradisional sempena Borneo Traditional Food Festival 2022



28 - 30 OKTOBER 2022

Borneo Traditional Food Festival 2022 Wilayah Persekutuan Labuan



Puan Hajah Dayang Suridah binti Mohd Superi, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas menyerahkan cenderahati buku resepi terbitan PPWS kepada Cik Fanny John Sipawi, Pemangku Pengarah MOTAC Labuan, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (tengah) dan diiringi oleh pihak Pertubuhan Inspirasi Wanita Labuan (LANITA) sempena Borneo Traditional Food Festival 2022 Wilayah Persekutuan Labuan pada 29 Oktober 2022 di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan

29 OKTOBER 2022

Majlis Penyerahan Cek Kepada PPWS Daerah Limbang

Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menyerahkan cek geran daripada Pusat Khidmat Rakyat P221 Limbang kepada PPWS Daerah Limbang dan 52 buah Perkumpulan pada 29 November 2022. Turut hadir, Puan Hamidah Halpi, Pemangku Pegawai Daerah Limbang (tengah)



29 OKTOBER 2022

Program Interaktif Bersama NGO-PPWS



Seramai 130 orang ahli PPWS Daerah Limbang telah menghadiri Program Interaktif Bersama NGO-PPWS yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia

15 DISEMBER 2022

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Limbang Sesi 2023-2024

Barisan Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Limbang Sesi 2023-2024 bersama ahli-ahli PPWS. Pengerusi Daerah Limbang yang baru disandang oleh Puan Fariyana Ajmain

